

PENGURUSAN AMIL ZAKAT DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI: ISU DAN CABARAN

Amil Zakat Management In Higher Education Institutions: Issues And Challenges

Azman Ab Rahman^{1a*} dan Muhammad Faiz Abd Shakor^{2b}

^aFakulti Syariah dan Undang-Undang dan Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

E-mail: azman@usim.edu.my¹

^bFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia

E-mail: faizshakorkisas@gmail.com²

*Corresponding Author: azman@usim.edu.my

Received: 12 January 2024

Accepted: 14 January 2024

Published: 15 January 2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no1.575>

Abstrak	Abstract
<p>Isu dan cabaran pengurusan zakat amil di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu dilihat secara holistik kerana ia juga menggambarkan institusi zakat di Malaysia. Secara umumnya, kebanyakan IPT di Malaysia mempunyai pusat zakat universiti yang diuruskan oleh pihak universiti di bawah penyeliaan Majlis Agama Islam Negeri. Amil yang dilantik adalah merupakan kakitangan yang bekerja di universiti tersebut mengikut tempoh yang ditetapkan. Perkara ini sudah pasti memerlukan kepada amil yang profesional dan kompeten bagi memastikan zakat dapat diurus dengan cekap dan amanah. Justeru, artikel ini akan memfokuskan kepada isu dan cabaran amil zakat IPT dalam memastikan kesediaan mereka dalam menguruskan zakat. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa isu integriti, ilmu dan kemahiran serta profesionalisme merupakan cabaran utama dalam pengurusan amil zakat IPT. Kajian juga mencadangkan keperluan pembangunan dan penatwaran modul bersepadu amil zakat IPT yang merangkumi aspek ilmu zakat, integriti, kemahiran teknologi, pengurusan dan lain-lain</p>	<p>The issues and challenges of zakat management by amil in Higher Education Institutions (HEIs) need to be viewed holistically as they also reflect the zakat institutions in Malaysia. Generally, most HEIs in Malaysia have university zakat centers managed by the university under the supervision of the State Islamic Religious Council. The appointed amil are university staff serving a specified tenure. This undoubtedly requires professional and competent amil to ensure the efficient and trustworthy management of zakat. Therefore, this article will focus on the issues and challenges faced by HEI zakat amil in ensuring their readiness to manage zakat. This qualitative study utilizes documentation and observation methods to achieve the research objectives. The study findings indicate that integrity issues, knowledge and skills, as well as professionalism, are the main challenges in the management of HEI zakat amil. The study also suggests the need for the development and provision of integrated modules for HEI zakat amil covering aspects of zakat knowledge, integrity, technological skills, management, and others to enhance and strengthen zakat management in HEIs.</p>

<p>adalah penting bagi meningkatkan dan memperkasakan pengurusan zakat di IPT.</p>	
<p>Kata Kunci: Cabaran, Pengurusan, Amil Zakat, Institut Pengajian Tinggi</p>	<p>Keywords: Challenges, Management, Amil Zakat, Higher Education Institution</p>

1. PENGENALAN

Zakat merupakan rukun Islam ketiga yang wajib dilaksanakan oleh semua umat Islam yang memenuhi ciri-ciri yang telah digariskan oleh syarak. Kewajipan berzakat adalah sama pentingnya dengan kewajipan menunaikan solat lima waktu sehari semalam. Dalil penentuan asnaf zakat telah dinyatakan secara jelas dalam al-Quran iaitu golongan-golongan yang berhak menerima zakat seperti mana dalam surah At-Taubah ayat 60 melalui firmanNya:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلِيًّا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَامِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٦٠

Terjemahan: “Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya, untuk memerdekakan dirinya, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

Secara umumnya, ayat tersebut menyatakan dengan jelas terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Mereka adalah al-fuqara’ (orang fakir), al-masakin (orang yang miskin), amil, muallaf yang perlu dijinakkan hatinya, al-riqab (hamba), al-gharimin (orang yang memiliki hutang), fisabilillah (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya ibn sabil (musafir yang sedang dalam perjalanan). Justeru, ayat ini secara tidak langsung ayat ini menunjukkan dengan jelas tentang pengagihan zakat berbanding dengan masalah menentukan sumber zakat. Menurut Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003), perkara ini berkemungkinan terdapat cabaran dalam agihan zakat seperti salah guna kuasa serta ketirisan dalam mengagihkan zakat lebih besar berbanding menentukan sumber dan pungutan zakat. Oleh itu, pandangan ini jelas menunjukkan tugas menguruskan zakat yang dipikul oleh para amil di institusi zakat merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang besar yang perlu dijaga sebaik mungkin.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dalam bentuk

pemerhatian dan analisis dokumen. Pengumpulan data secara pemerhatian dan dokumen-dokumen yang diperlukan. Data-data yang dikumpulkan melalui sumber dokumen, kitab *turath*, tesis, buku dan artikel yang berkaitan. Selain itu, data daripada laman sesawang juga digunakan bagi mengumpul maklumat berkaitan pengurusan zakat di IPT. Seterusnya, pengumpulan data ini akan dianalisis secara deskriptif berpandukan kepada objektif kajian.

3. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

3.1. Konsep Amil Menurut Perspektif Syarak

Menurut Ibrahim Mustafa (1985) perkataan amil ini diambil secara langsung daripada kalimah arab yang membawa maksud pekerja (*العامل*). Manakala menurut Ibn Manzur (1996), Amil didefinisikan sebagai orang yang dipertanggungjawabkan ke atas urusan harta, pemilikan dan pekerjaan seseorang. Atas asas ini, seseorang yang ditugaskan untuk mengutip zakat digelar amil.

Selain itu, penggunaan istilah amil adalah bertitik tolak kepada nas yang menerangkan hak yang dimilikinya sebagai salah satu golongan asnaf seperti yang dijelaskan Allah SWT dalam surah al-Tawbah ayat 60 sebelum ini. Peranan amil telah ditegaskan Allah SWT melalui firmanNya:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ١٠٣

Terjemahan: “Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doa-doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.

Yusuf al-Qaradawi menyatakan bahawa amil yang diperuntukkan dalam al-Quran merujuk kepada semua orang yang bertugas dalam organisasi pentadbiran hal ehwal zakat. Mereka termasuklah para pengutip, penyimpan, pengawal, juru tulis, juru kira-kira yang bertugas menyemak hasil pendapatan dan perbelanjaan serta para pengagih yang bertugas mengagihkannya kepada orang yang berhak (Al-Qaradawi, 1999).

Wahbah al-Zuhayli menyatakan bahawa *amil* ialah mereka yang berulang-alik (*al-su'ah*) untuk mengutip zakat. Walaupun pentafsirannya hanya tertumpu kepada urusan kutipan zakat, namun apabila mengulas tentang asnaf ini, beliau turut memasukkan pengagih zakat (*al-qasim*) ke dalam kumpulan *amil*

(al-Zuhayli, 1997).

Selain itu, Rasulullah SAW turut mengiktiraf fungsi dan peranan amil melalui sabda baginda:

عن رافع بن خديج رضي الله عنه أنه قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم يقول: العامل على الصدقة بالحق ككغازي في سبيل الله حتى يرجع إلى بيته

Terjemahan: "Daripada Rafi' bin Khadīj, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Amil sedekah (zakat) dengan hak (adil dan telus) akan mendapat pahala seumpama pahala tentera yang berjuang di jalan Allah sehingga dia kembali ke rumahnya".

Hadis ini secara jelas memberi pengiktirafan terhadap amil yang berjaya menjalankan tanggungjawabnya dengan adil dan telus. Ganjaran pahala yang besar di atas peranan amil yang memudahkan urusan pembayar zakat dalam menunaikan tanggungjawab mereka serta meringankan beban golongan asnaf yang sangat memerlukan. Perumpamaan seperti tentera yang berjuang di jalan Allah SWT, hakikatnya menggambarkan tugas amil ini umpama mereka yang berjuang demi menegakkan syariat Allah SWT bagi kesejahteraan manusia.

3.2. Isu Dan Cabaran Pengurusan Amil Zakat Di Institut Pengajian Tinggi

Amalan pengurusan zakat yang moden dan bersistematik telah berjaya mengubah institusi zakat menjadi sebuah institusi yang unggul seterusnya mencatatkan peningkatan kutipan zakat yang membanggakan. Pelbagai dasar dan pendekatan terus dirangka bagi mengoptimumkan kualiti perkhidmatan zakat kepada masyarakat khususnya di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) (Atiah & Hairunnizam, 2017).

Amalan ini telah memberi peluang kepada IPT untuk dilantik sebagai amil bagi menguruskan kutipan zakat serta mengagihkannya kepada asnaf di tempat mereka. Usaha ini wajar dipuji kerana telah mendekatkan peranan institusi zakat dengan pembayar zakat dan asnaf di IPT melalui pelantikan amil dalam kalangan kakitangan mereka sendiri. Perkembangan ini menunjukkan tradisi pelantikan amil dalam kalangan pegawai institusi zakat dan masjid telah diperluaskan kepada kakitangan IPT. Walaupun kaedah ini dilihat berkesan bagi meningkatkan hasil kutipan zakat, namun ia mempunyai peluang dan ruang untuk penambahbaikan khususnya dalam konteks tahap kualiti amil yang baharu dilantik tanpa mempunyai latar belakang dan pengalaman dalam bidang pengurusan zakat secara khusus.

Islam mengiktiraf peranan amil sebagai penghubung di antara pembayar zakat

dengan asnaf. Walaupun kedudukan amil hanya tertumpu dalam aspek pengurusan zakat, namun peranan mereka mampu menjelmakan hikmah zakat terutama dalam menghapuskan kemiskinan. Jika dahulu, tugas amil hanya mengutip dan mengagihkan zakat sahaja, sebaliknya kini kemajuan sistem tadbir urus zakat telah menuntut penglibatan amil dalam pentadbiran harta zakat yang lebih kompleks dan berisiko tinggi. Justeru, tanpa memiliki jati diri dan kemahiran yang bersesuaian, amil terdedah dengan pelbagai isu yang boleh mengundang pandangan buruk masyarakat terhadap mereka.

3.2.1 *Pertama: Amalan Integriti dalam Pengurusan Zakat*

Integriti merupakan asas penting dalam pembentukan keperibadian seorang amil. Malah Imam al-Nawawi berpandangan asas integriti itu mesti bermula dengan keperibadian seseorang yang adil. Integriti merupakan faktor penentu bagi mengukur tahap sokongan masyarakat terhadap sesuatu perkhidmatan. Sebagai individu yang menguruskan dana awam, amil sewajarnya mengutamakan kepentingan umum melebihi kehendak dirinya sendiri dengan bertindak menurut prinsip moral, etika dan undang-undang serta melaksanakan tugas dengan cekap dan berkualiti. Namun menurut Mohamad Muhaimin & Jasni Sulong (2019) integriti amil di Malaysia masih berada di tahap bermasalah dan selalu mendapat perhatian ramai. Melalui penelitian ke atas kajian-kajian lepas, terdapat empat jenis masalah integriti yang membelenggu amil iaitu pecah amanah, gagal menyerahkan kutipan dalam tempoh ditetapkan, amil rentas sempadan dan amil tanpa tauliah (Azman et al, 2018). Kesemua masalah integriti ini bukan sahaja melibatkan amil yang bertugas di institusi zakat, malah turut melibatkan amil lantikan yang bertugas di luar institusi seperti amil masjid, amil profesional, amil korporat dan penolong amil.

Isu amil pecah amanah merupakan isu terbesar yang mampu menggugat kepercayaan awam terhadap institusi zakat di negara ini. Pecah amanah merupakan perbuatan mensia-siakan kepercayaan orang lain dengan menipu atau menyeleweng harta. Sungguhpun tiada data terperinci yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa, namun isu ini selalu mendapat tempat di dada akhbar dan media tempatan. Perkara ini sudah pasti menunjukkan bahawa isu integriti amil berada pada tahap yang serius dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Urusan kutipan zakat di Malaysia telah diperuntukkan di bawah undang-undang negeri yang memberi kuasa kepada amil yang dilantik dan bertauliah sahaja. Kuasa yang diberikan ini adalah bersifat setempat dan tidak boleh merentasi kawasan negeri lain. Ketetapan ini dibuat bagi meningkatkan kecekapan dan keadilan kepada institusi zakat dalam mentadbir harta zakat di

setiap negeri. Namun, isu kegiatan mengutip zakat di negeri lain pernah menjadi isu besar yang memerlukan kepada penyelesaian perundangan dan fatwa. Isu ini boleh membawa kepada ketidakpercayaan kepada amil termasuk tahap integriti amil yang telah dilantik.

Kemerosotan integriti seseorang amil memberikan implikasi yang sangat buruk kepada peranan amil dalam sistem tadbir urus zakat. Kejatuhan integriti boleh mengikis kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat yang sebelum ini dipandang tinggi kerana peranannya dalam membela nasib asnaf. Kesannya wujudlah kelompok masyarakat yang lebih selesa membayar zakat terus kepada asnaf tanpa melalui amil (Mohd Rusydi Ramli & Luqman Abdullah, 2016). Situasi ini akan menimbulkan kebarangkalian zakat tidak sampai kepada asnaf yang layak, seterusnya gagal mencapai objektif agihannya seperti yang ditetapkan syarak.

Islam meletakkan nilai amanah sebagai komponen utama dalam piawaian pembangunan sumber manusia. Ini kerana, kualiti keperibadian amil bukan diukur sekadar pencapaian hasil kutipan yang diperolehinya, tetapi juga melihat tahap integriti dan akhlaknya. Institusi zakat bukan hanya memerlukan amil yang cekap, tetapi juga berintegriti. Namun integriti ini tidak dapat diukur secara kuantitatif. Persoalannya, bagaimanakah ukuran sebenar untuk dicontohi akan aspek integriti dan keperibadian seseorang amil?

Manakala dalam konteks pengurusan zakat di IPT, konsep integriti perlu dititikberatkan melalui program pemantapan atau penghayatan terhadap prinsip bermoral, etika dan undang-undang dan melaksanakan tugas kerja dengan kualiti bermutu dan tepat. Hal ini kerana keberkesanan pengurusan akan menyebabkan kecekapan dalam kutipan dan pengagihan zakat serta membantu dan memberi manfaat kepada asnaf dalam kalangan pelajar dan staf IPT yang memerlukan.

3.2.2 Kedua: Penguasaan Ilmu dan Profesionalisme Amil

Menurut Imam al-Nawawi meletakkan aspek penguasaan ilmu sebagai syarat utama dalam kelayakan pelantikan amil. Penguasaan ilmu ini amat penting dalam pelaksanaan tugas kutipan dan agihan zakat mahupun dalam memenuhi tuntutan dakwah di lapangan. Namun kewujudan isu amil tidak cukup ilmu telah merencatkan peranan mereka dalam masyarakat. Menurut Saiful Bahri (2019), masalah kompetensi amil dalam aspek keilmuan telah mendasari kajian berkaitan peranan amil dalam pengurusan zakat. Kegagalan amil menjelaskan ilmu berkaitan zakat perniagaan telah menyebabkan ramai peniaga yang keliru serta tidak faham mengenai jenis zakat tersebut. Justeru itu banyak pihak mengesa agar amil meningkatkan ilmu dan kefahaman

mereka membabitkan semua jenis zakat tanpa menghadkan pengetahuan terhadap zakat fitrah sahaja.

Isu amil kurang pengetahuan adalah berpunca daripada syarat pemilihan amil yang longgar dan kualiti latihan yang disediakan tidak seragam. Menurut Hairullfazli (2009), proses pemilihan amil tidak menetapkan pengetahuan mendalam mengenai zakat sebagai syarat utama pentauliahannya mereka. Ia dilihat lebih ketara apabila syarat pelantikan amil yang bukan kakitangan institusi zakat hanya cukup sekadar mampu mengira dan membaca dengan baik, penduduk tetap dan berumur lebih 30 tahun sahaja tanpa ketetapan khusus berkaitan tahap pengetahuan mengenai zakat. Malah terdapat amil tidak mempunyai latar belakang khusus dalam bidang zakat sebaliknya bergantung penuh kepada latihan oleh institusi zakat semasa berkhidmat. Pembangunan dan penawaran modul bersepadu profesional amil dilihat mampu meningkatkan ilmu zakat dan tahap profesionalisme amil di Malaysia. Oleh itu, beliau mencadangkan agar program pensijilan amil profesional secara bersepadu kepada amil bertauliah segera diperkenalkan bagi mengatasi masalah ini.

Isu kekurangan ilmu dalam kalangan amil dibimbangi mencetuskan salah faham masyarakat mengenai isu-isu semasa zakat yang sering kali dibincangkan di media-media sosial (Azman et.al, 2016). Peranan amil bukan sekadar perlu menguasai ilmu asas sahaja, malah mereka perlu mendalami pelbagai cabang ilmu zakat yang lain, seperti fatwa zakat kontemporari dan ilmu dakwah zakat. Kesemua ilmu ini amat penting dalam meningkatkan kefahaman amil untuk menjelaskan kemusykilan dalam kalangan masyarakat dengan tepat dan berkesan.

Berdasarkan konteks amil dalam pengurusan zakat di IPT, keperluan dalam memantapkan keilmuan dan profesionalisme perlu ditekankan kepada semua pegawai zakat IPT yang bertugas. Modul dan Program pemantapan ilmu dan profesional amil zakat perlu dibangunkan secara umum dan khusus mengambil kira seluruh aspek bagi membangunkan amil IPT yang kompetensi dan profesional.

3.2.3 Ketiga: Penguasaan Kemahiran Teknologi

Kaedah dan mekanisme kutipan dan agihan zakat merupakan indikator penting dalam pengurusan zakat yang mantap dan sistematik. Sejalan dengan ledakan teknologi semasa, amil seharusnya proaktif dalam mengambil peluang serta memanfaatkan kecanggihan teknologi agar sistem pengurusan zakat lebih kukuh dan mapan. Hal ini kerana penggunaan teknologi secara optimum telah membantu meningkatkan prestasi serta ketelusan tadbir urus zakat di

Malaysia. Kepelbagaian teknologi kutipan zakat yang diperkenalkan oleh institusi zakat bukan sahaja memudahkan para muzakki menunaikan ibadah tersebut, malah mencetuskan peningkatan hasil kutipan seterusnya memberi kesan besar terhadap sosio ekonomi ummah.

Selain itu, perkembangan digitalisasi dalam teknologi maklumat juga perlu dimanfaatkan sepenuhnya dalam aspek agihan zakat. Penggunaan teknologi digital dalam aspek agihan juga dilihat mempunyai potensi besar melalui pelbagai platform pembayaran atas talian yang canggih.

Era pengkorporatan zakat bermula sekitar tahun 1991 menggalakkan amalan inovasi dan kreativiti melalui pengaplikasian teknologi maklumat yang mempercepatkan proses penyampaian kepada pelanggan. Penghasilan inovasi baharu oleh amil dapat menyambung kelangsungan perkhidmatan zakat serta menjadikannya relevan dengan perkembangan semasa. Perkembangan teknologi telah memberi kesan yang mendalam terhadap kaedah pengurusan zakat. Amil mempunyai peluang untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam menguasai teknologi semasa bagi memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat. Oleh itu, penerokaan secara mendalam terhadap amalan kompetensi kemahiran dan inovasi amil cemerlang perlu dilakukan bagi merungkai ciri-ciri kompetensi sebenar yang diperlukan (Ammar Badruddin Romli, 2022).

Pengurusan zakat IPT juga perlu melihat dan memanfaatkan teknologi yang semakin berkembang. Sistem kutipan dan agihan menggunakan pendekatan aplikasi dan laman sesawang diyakini dapat mempercepatkan pengurusan agihan zakat secara menyeluruh. Amil IPT hendaklah sentiasa kreatif dan inovasi dalam mewujudkan sistem pengurusan zakat yang bersistematik dan berteknologi. Ini jelas menunjukkan bahawa para amil IPT perlu diterapkan dan diberi latihan secukupnya khususnya dalam konteks penggunaan teknologi agar pengurusan zakat IPT sentiasa terkehadapan.

4. KESIMPULAN

Isu dan cabaran pengurusan amil zakat di Institut Pengajian Tinggi adalah satu perkara yang penting dan memerlukan perhatian serius kerana ia juga menggambarkan institusi zakat di Malaysia. Penetapan peranan dan tugas yang jelas bagi amil zakat yang dilantik tanpa latar belakang pengurusan zakat yang mencukupi merupakan antara aspek yang memerlukan kepada penilaian yang teliti. Kewujudan amil IPT yang berintegriti, berkeelayakan, dan kompeten dalam menguruskan zakat dalam kalangan institusi pengajian tinggi akan membawa kesan positif dalam pengurusan zakat serta meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan zakat termasuk di IPT. Maka,

keperluan pembangunan dan penawaran modul bersepadu amil zakat IPT amatlah mendesak yang merangkumi aspek ilmu zakat, integriti, kemahiran teknologi, pengurusan dan lain-lain adalah penting bagi meningkatkan dan memperkasakan pengurusan zakat di IPT.

5. PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Projek Penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) USIM, dengan tajuk Kerangka Kompetensi Amil Zakat Institut Pengajian Tinggi (IPT) Ke Arah Membangun Malaysia Madani, Kod Penyelidikan FRGS/1/2023/SSI13/USIM/01/1. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

6. RUJUKAN

- Abd Wakil, M. N., Ab Rahman, A., Syed Omar, S. M. N., Hashim, H., Mahad Musa, Z., Mohd Subri, I., & Mohd Faisal Yeap, M. J. (2018). Kutipan Zakat di Negeri Lain oleh Ejen dan Amil Tidak Bertauliah Menurut Syarak. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 16–30. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.124>
- Rahman, A. A., Fauzi, A. a. M., & Thoarlim, A. (2016). THE DEVELOPMENT OF AN INTERGRATED MODEL FOR AMIL ZAKAT IN MALAYSIA. *IJIBE (International Journal of Islamic Business Ethics)*, 1(2), 131. <https://doi.org/10.30659/ijibe.1.2.131-142>
- Abdul Majid M. Z. (2003), *Pengurusan Zakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ahmad, Atiah & Wahid, Hairunnizam. (2017). Kontrak Wakalah dalam Agihan Zakat: Kajian Di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Pengurusan Zakat Di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*, 171–186. <http://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/perkem2017-solehudin.pdf>
- Al-Qaradawi, Y. (1999). *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Zuhayli, W. (1997), *Fiqh Islami wa Adillatuh*, c.4, j. 3, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Bahri, S. (2015). Studi Evaluasi Profesionalisme Amil Zakat Tradisional. *IQTISHADUNA: Jurnal Ilmiah Ekonomi Kita*, 4(1), 92-98. <https://www.ejournal.stiesyariahengkalis.ac.id/index.php/iqtishaduna/article/view/65>
- Ibn Manzur, Muhammad bin Makran Ibn Manzur al-Afriqi al-Misri (1996), *Lisan al- 'Arab*, Beirut: Dar al-Bayrut.
- Ibrahim Mustafa (1985), *Mu'jam al- Wasit*, j. 2, Istanbul: Maktabah Islamiyyah
- Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki & Jasni Sulong. (2019). Amalan Hisbah Dalam Kalangan Amil Zakat: Kajian di Lembaga Zakat Negeri Kedah. *Proceeding of the 14th ISDEV International Islamic Development Management Conference*. 311-322

Mohammad Som H. (2009). *Amil dalam Institut Zakat Kontemporari: Kajian di Lembaga Zakat Selangor*. [Master dissertation, Universiti of Malaya]

Ramli, M. R., & Abdullah, L. (2016). AGIHAN ZAKAT TERUS KEPADA ASNAF: ANALISIS FIQH DAN KEDUDUKANNYA DI MALAYSIA: Keywords: Agihan zakat, Agihan secara langsung, Saluran tidak rasmi, Harta Zahir, Harta Batin, Pemerintah Adil, Pemerintah Zalim. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 10, 86–100. <https://doi.org/10.51200/ljms.v10i.2578>

Romli A. B. (2009). *Kompetensi Amil Zakat Di Politeknik Malaysia*. [Master Dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris]

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.